# MANUAL PENGGUNA

## Pemohonan Pengesahan Cukai Taksiran
## Sistem Pengesahan Cukai Taksiran (MPHS)

### 1. Tujuan Manual

Manual ini disediakan sebagai panduan langkah demi langkah kepada pemohon (Individu atau Syarikat) untuk membuat Permohonan Pengesahan Cukai Taksiran melalui Sistem Pengesahan Cukai Taksiran MPHS.

### 2. Keperluan Sebelum Permohonan

Sila pastikan perkara berikut telah disediakan sebelum memulakan permohonan:

a) Nombor Kad Pengenalan (Individu) atau Nombor Syarikat
b) Maklumat lengkap pemohon (alamat, emel, nombor telefon)
c) Maklumat hartanah:
    a. Nama Pemilik Hartanah
    b. No Hak Milik
    c. No Lot / Pelan Tanah
    d. Mukim & Daerah
    e. Syarat Nyata Tanah
d) Dokumen sokongan dalam format PDF sahaja:
    a. Salinan Geran & Layout (WAJIB)
    b. Surat Sokongan (WAJIB)
    c. Dokumen tambahan (jika ada)

### 3. Langkah-Langkah Permohonan



## Langkah 1: Paparan Utama Sistem

a. Klik butang “Permohonan Pengesahan Cukai Taksiran” untuk memulakan **permohonan baharu**.




## Langkah 2: Borang Permohonan – Maklumat Pemohon

Lengkapkan bahagian A. Maklumat Pemohon:

- Jenis Permohonan: Individu / Syarikat
- No K/P atau No Syarikat
- No Rujukan Tuan (jika ada)
- Nama Penuh Pemohon
- Alamat 1, 2 dan 3
- Bandar & Poskod
- Negeri
- Emel Utama Pemohon
- No Telefon Bimbit

Pastikan semua maklumat diisi dengan tepat.




## Langkah 3: Maklumat Hartanah Untuk Taksiran

a. Lengkapkan bahagian B. Maklumat Hartanah Untuk Taksiran:
- Nama Pemilik Hartanah
- No Hak Milik
- No Lot / Pelan Tanah
- Pilih Syarat Nyata Tanah daripada senarai:
  - Bangunan
  - Pertanian
  - Perusahaan
  - Perniagaan
  - Tiada / Nil
- Mukim
- Daerah (Hulu Selangor)




## Langkah 4: Muat Naik Dokumen Sokongan

Muat naik dokumen berikut (Fail PDF sahaja):

- Dokumen Geran & Layout (WAJIB)
- Surat Sokongan (WAJIB)
- Surat / Dokumen Tambahan (jika berkaitan)

Nota: Permohonan tidak boleh diteruskan jika dokumen wajib tidak dimuat naik.

Sistem Pengesahan Cukai Taksiran



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

**Semakan Permohonan Pengesahan Cukai Taksiran**

**A. SEMAK MAKLUMAT PEMOHON**

| | |
|---|---|
| Jenis Permohonan | INDIVIDU |
| No K/P / Syarikat | 830303135103 |
| No Rujukan Tuan | 12345/456 |
| Nama Pemohon | AIMAN TUKIMAN BIN AHMAD |
| Alamat 1 | ALAMAT 1 |
| Alamat 3 | ALAMAT 2 |
| Alamat 3 | ALAMAT 3 |
| Bandar | BATU CAVES |
| Poskod | 68100 |
| Negeri | SELANGOR |
| Emel | aimantukiman@gmail.com |
| No Telefon Bimbit | 0123457896 |

**B. SEMAK MAKLUMAT HARTANAH UNTUK TAKSIRAN**

| | |
|---|---|
| Nama Pemilik Hartanah | AIMAN TUKIMAN |
| No Hak Milik | 123/456 |
| Syarat Nyata Tanah | BANGUNAN |
| No Lot / Pelan Tanah | LOT 1234 |
| Mukim | SERENDAH |
| Daerah | HULU SELANGOR |

**C. DOKUMEN YANG DIMUAT NAIK**

| | |
|---|---|
| Nama Fail | GERAN 1.pdf<br>surat-sokongan.pdf |

**PERHATIAN:** Permohonan pengesahan cukai taksiran ini akan dikenakan bayaran caj proses sebanyak RM 20.00. Kaedah bayaran disertakan melalui emel di atas setelah permohonan ini berjaya dihantar.

☐ Saya dengan ini memohon jasa baik pihak tuan supaya dapat memberi surat pengesahan cukai taksiran bagi hartanah yang tertera di atas. Kerjasama dari pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sebelum | Sahkan & Hantar | Laman Utama

## Langkah 5: Semakan Maklumat Permohonan

1. Sistem akan memaparkan ringkasan maklumat:

   a. Maklumat Pemohon

   b. Maklumat Hartanah
   c. Senarai dokumen dimuat naik

2. Sila semak semua maklumat dengan teliti.

3. Klik “Sebelum” jika ingin membuat pembetulan.




**Langkah 6: Pengesahan & Persetujuan**

1. Baca notis **PERHATIAN** berkaitan bayaran caj proses:
   a. Caj proses: RM 20.00.
   b. Kaedah bayaran akan dimaklumkan melalui emel selepas permohonan Berjaya dihantar.

2. Tandakan kotak persetujuan pengesahan permohonan.

3. Klik butang “Sahkan & Hantar”.




**Langkah 7: Permohonan Berjaya Dihantar**

1. Paparan mesej “Berjaya!” akan dipaparkan.
2. Sistem akan menghantar satu emel pengesahan kepada emel pemohon.
3. Sila simpan emel tersebut sebagai rujukan.

**4. Semakan Status Permohonan**

1. Kembali ke paparan utama sistem.
2. Masukkan:
   a. No Kad Pengenalan / No Syarikat
   b. No Permohonan
3. Klik “Semak Status Permohonan”.

**5. Nota Penting**

- Pastikan emel yang dimasukkan adalah aktif dan sah.
- Dokumen mesti jelas dan boleh dibaca.
- Permohonan yang tidak lengkap boleh menyebabkan kelewatan proses.

**6. Penutup**

Manual ini bertujuan membantu pemohon memahami keseluruhan proses permohonan Pengesahan Cukai Taksiran MPHS dengan lebih mudah dan teratur.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).